

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD
IMRAN BIN ABDUL HAMID (B)
[LUMUT – PKR]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2017

NO. SOALAN : 16

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut] minta PERDANA MENTERI menyatakan sudahkah National Special Operation Force dibubarkan memandangkan ia tidak terkandung dalam Akta MKN dan bertentangan dengan Perlembagaan negara.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Keselamatan negara merupakan aspek penting dan menjadi keutamaan pihak Kerajaan dalam memastikan keharmonian, keutuhan dan kemakmuran rakyat dan negara tidak diganggu gugat dan sentiasa terjaga. Mesyuarat *Pre- Council National Strategy Execution Summit* yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 28 Julai 2011 bersetuju Pasukan Operasi Khas Nasional (*National Special Operations Force – NSOF*) ditubuhkan sebagai sebuah pasukan tindak balas pantas berperanan untuk menangani insiden berpunca daripada ancaman keganasan yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Selaras dengan itu, Arahan Eksekutif telah dikeluarkan pada 28 Februari 2017 dengan ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri selaku Pengerusi MKN.

Dalam hal ini, ancaman keganasan ke atas ketenteraman awam adalah luar jangka dan merupakan fenomena global yang boleh wujud pada bila-bila masa sahaja. Justeru, penubuhan NSOF merupakan strategi ke hadapan negara dalam menangani dan menghadapi situasi ancaman keganasan luar jangka sebelum, semasa dan selepas sesuatu ancaman ke atas ketenteraman awam berlaku. NSOF diwujudkan melalui lunas undang-undang dan tidak melanggar mana-mana peruntukan perlembagaan mahupun Akta MKN.

Sekian, terima kasih.

19

SOALAN (17)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14 NOVEMBER 2017
[SELASA]

DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN MUSA
[KETEREH]

SOALAN :

YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA [KETEREH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kejayaan Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dalam usaha untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran atau keupayaan graduan untuk mendapat pekerjaan dengan kerjasama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan swasta yang melaksanakan Program SL1M sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan apakah usaha untuk menambah baik program berkenaan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) yang ditubuhkan pada 1 Jun 2011 bertujuan membantu para graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan selepas bergraduasi. Program ini dilaksanakan secara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh industri atas rasa tanggungjawab memberi balik kepada rakyat dan negara dengan membuka peluang kepada para graduan tempatan untuk mendapatkan latihan pekerjaan di samping menimba pengalaman kerja sebenar yang cukup berharga dalam memberi nilai tambah kepada graduan.

Setakat 31 Ogos 2017, seramai 138,618 graduan telah berjaya dibantu secara langsung dan tidak langsung dalam memperkasakan kebolehpasaran diri melalui latihan SL1M di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian serta melalui program-program yang dianjurkan oleh SL1M di seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut, seramai 57,574 graduan berjaya dibantu mendapat pekerjaan dengan mendapat latihan berstruktur daripada syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam Program SL1M. Manakala 81,044 graduan berjaya dibantu melalui penganjuran karnival kerjaya SL1M atau program "search and assist" SL1M yang dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan.

Program yang dilaksanakan dengan kerjasama dan sokongan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan syarikat swasta ini berlangsung selama maksimum 12 bulan. Melalui pelaksanaan Program SL1M, graduan yang terpilih akan ditaja untuk menjalani 'Soft Skills Training' selama 2 bulan (maksimum) dan 'On Job Training' selama 10 bulan (maksimum) di syarikat yang mengambil bahagian dan graduan didedahkan dengan pengalaman kerja sebenar akan meningkatkan kemahiran dan "marketability" mereka seterusnya memberi nilai tambah dalam diri para graduan SL1M dalam mendapatkan pekerjaan sama ada di syarikat yang melatih atau di syarikat lain.

Terkini Kerajaan telah memutuskan untuk membuka lebih banyak peluang latihan kepada para graduan dengan menjadikan Program SL1M sebagai salah satu syarat dalam perolehan Kerajaan dan telah berkuatkuasa pada 1 Ogos 2017. Dasar ini dilihat sebagai satu medium dan langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan Program SL1M terus kekal relevan dan signifikan dalam membangunkan modal insan negara. Semua syarikat diwajibkan mengambil bahagian dalam Program SL1M dengan memastikan syarikat-syarikat ini menyumbang semula sebanyak 1% daripada nilai kontrak kepada masyarakat dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan seperti yang termaktub dalam 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) / PK 1.2.

Dalam usaha untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan syarikat, Kerajaan telah menawarkan insentif-insentif kepada syarikat ke atas perbelanjaan yang dikeluarkan dan sebagai menghargai segala sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh syarikat untuk menjayakan Program SL1M seperti insentif potongan cukai berganda dan Skim HRDF-SL1M di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

Hebahan dan promosi SL1M melalui media cetak dan elektronik terus dipergiatkan bagi menambah jumlah syarikat menyertai Program SL1M.

Sekian, terima kasih.

14 November 2017